



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	16/6/2021	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	TNB			

### TNB santuni asnaf terkesan PKP

**PETALING JAYA** – Seramai 9,918 orang asnaf yang terkesan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan telah menerima sumbangan barangan keperluan asas dan wang saku daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejak 27 April lalu.

Ketua Pegawai Penyelesaian Perniagaan Global TNB, Mohamad Ariff Zainol berkata, TNB memperuntukkan sejumlah RM420,000 untuk program-program penyerahan bantuan keperluan asas tersebut bagi memenuhi komitmennya sebagai warga korporat yang prihatin.

"Sumbangan barangan berupa

beras, gula, telur, biskut, serbuk teh, tepung kurma, barangan dapur dan lain-lain itu didedahkan menerusi pelbagai program anjuran TNB bagi meringankan beban penerima sepanjang Ramadan dan Syawal, selain meneriakkan sambutan dua bulan yang mulia itu.

"Sumbangan kecil kami ini diharapkan dapat meringankan beban keluarga penerima bantuan dan pada masa yang sama mengeratkan silaturahim kami dengan masyarakat yang memerlukan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohamad Ariff berkata, beriku-

tan pelaksanaan PKP 3.0, sebahagian bantuan diserahkan secara terus oleh warga kerja TNB dari rumah ke rumah, termasuk di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

"Selain berkongsi rezeki bersama golongan yang terkesan akibat kekangan PKP 3.0 ketika ini, TNB juga menyokong usaha pelaksanaan program vaksinasi negara dengan memastikan hampir semua warga kerja TNB mendaftar untuk vaksinasi.

"TNB juga memastikan bekalan elektrik ke Pusat Pemberian Vaksinasi dan Pusat Simpanan Vaksin berada dalam keadaan baik dan teratur," tambahnya.



**SEBAHAGIAN** penerima sumbangan keperluan asas daripada TNB yang didedahkan sejak 27 April lalu.